



JABATAN PERUMAHAN NEGARA
BAHAGIAN PELESENAN PEMAJUAN PERUMAHAN

ARAS 31, NO. 51
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8891 4121 / 4123
Faks : 03-8891 3185
http : <http://ehome.kpkt.gov.my>

Rujukan Kami : KPKT/07/L/879/11 Jld. 18 (31)
Tarikh : 1hb. Ogos 2020

BL 2 : SENARAI SEMAK PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN PEMAJU PERUMAHAN & PERMIT IKLAN DAN JUALAN BARU

➤ **DOKUMEN PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN PEMAJUAN PERUMAHAN SAHAJA**

1. Surat iringan pemaju yang menyatakan tujuan permohonan pembaharuan lesen.
2. Salinan CCC penuh.

*** Permohonan pembaharuan Lesen sahaja hanya dibenarkan bagi pemajuan yang telah mendapat CCC penuh bagi keseluruhan pemajuan DAN bagi pemajuan yang telah habis dijual kesemua unit.

➤ **DOKUMEN PERMOHONAN PEMBAHARUAN LESEN PEMAJUAN PERUMAHAN DAN PERMIT IKLAN DAN JUALAN (APDL)**

1. Surat iringan pemaju yang menyatakan tujuan permohonan pembaharuan APDL/permit sahaja
2. Senarai harga jualan bagi baki unit yang masih belum dijual.
3. Satu (1) iklan bagi **Brosur** dan cadangan iklan-iklan lain. **Brosur** dalam Bahasa Malaysia adalah dimestikan. (sila rujuk *Butiran Iklan Brosur)

BUTIRAN IKLAN (BROSUR)

- (i) Iklan brosur dan cadangan iklan-iklan lain hendaklah mencatatkan butiran pemajuan yang lengkap sepertimana kehendak **Peraturan 6, Peraturan-peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan & Pelesenan) 1989** dengan mencatatkan :
 - a) Nombor lesen pemaju **DAN** tempoh sahlaku.
 - b) Nombor permit iklan & jualan **DAN** tempoh sahlaku.
 - c) Nama pemaju berserta alamat lengkap dan no. telefon.
 - d) Jenis **Pegangan** tanah – (Kekal / Bebas, Pajakan, Rizab Melayu) **DAN Bebanan** (gadaian) tanah – (nyatakan nama institusi gadaian). Jika berstatus pajakan, tarikh tamat tempoh pajakan tanah dan sekatan kepentingan hendaklah dicatatkan dengan jelas dalam iklan.
 - e) Perihalhan (spesifikasi) rumah tempat tinggal – termasuk mana-mana tempat letak kereta yang merupakan petak aksesori bagi rumah tempat tinggal dalam sesuatu petak dan yang tidak menjadi sebahagian daripada harta bersama rumah itu.
 - f) Nama pemajuan perumahan (jika ada).
 - g) Tarikh **pemajuan perumahan** dijangka siap – *nyatakan bulan dan tahunnya*.
 - h) Harga jualan **minimum** dan **maksimum** bagi setiap jenis rumah tempat tinggal.
 - i) **Bilangan unit** bagi setiap jenis rumah.
 - j) Nama Pihak Berkuasa (PBT) yang meluluskan pelan bangunan **DAN** nombor rujukannya.

- (ii) Iklan brosur hendaklah mencatatkan **pelan lantai tipikal** dengan **perincian ukuran** ruang yang jelas beserta **spesifikasi** dalam Bahasa Malaysia.
- (iii) Pernyataan “.....**tertakluk kepada pindaan....**” hendaklah dibatalkan / dibuang daripada kesemua iklan.
- (iv) Iklan Radio hendaklah mencatatkan skrip penuh sepertimana yang akan ke udara di media massa.
- (v) Iklan dalam bentuk video yang diiklankan dalam media televisyen, pawagam, internet atau lain- lain media hendaklah dikemukakan dalam “*storyboard*” penuh dalam bentuk *Powerpoint* atau PDF (gambar, skrip dan kenyataan) yang akan dipaparkan.
- (vi) Iklan-iklan yang dicadangkan perlu dimasukkan kenyataan “**IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA**” menggunakan font Arial (*huruf besar dan saiz font tidak kurang daripada 10*).

❖ **CATATAN**

- Permohonan pembaharuan Lesen Pemajuan Perumahan **DAN** Permit Iklan dan Jualan akan diproses bersekali.
- Pemaju hendaklah **memperbaharui APDL** selagi terdapat unit belum dijual sebelum tarikh serahan milikan kosong.
- Pemaju hanya perlu memperbaharui **Lesen Pemajuan SAHAJA** sekiranya pemajuan telah memperolehi Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) dan diserahkan kepada pembeli.
- Pemaju **WAJIB** memperbaharui Lesen Pemajuan sehingga tempoh baikpulih kecacatan (*Defect Liability Period*) tamat.
- Pemaju perlu memastikan segala dokumen mandatori bagi permohonan pembaharuan lesen DAN permit adalah **LENGKAP**.
- Segala permohonan hendaklah dikemukakan **melalui sistem BLESS sahaja**.
- Sila semak carta alir kerja permohonan APDL untuk rujukan tempoh dan proses kerja.



(N. JAYASELAN)
TIMB. PENGAWAL PERUMAHAN
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN